

TARIKH : 11.1.2020
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 39

Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA

1,381 unit sudah diserah: Azmin

FELDA komited siapkan 2,736 rumah lagi sebelum hujung tahun ini

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Kota Tinggi: Sebanyak 1,381 daripada 4,794 unit projek Perumahan Generasi Kedua FELDA (PGBF) yang disiapkan menerusi peruntukan RM250 juta melalui pencairan Kertas Putin FELDA April lalu, sudah diserahkan kepada peserta sehingga

bulan ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata penyerahan unit PGBF kepada generasi baharu FELDA di Kedah pula akan diserahkan pada bulan depan.

Katanya, kediamaan berkenaan adalah rumah dengan tahap kemajuannya 70 peratus siap yang diumumkan kerajaan terdahulu dalam Belanjawan 2013.

"Dalam tempoh sembilan bulan sehingga Januari ini, 10 projek membatikam 2,058 unit rumah PGBF berjaya disiapkan, mewakili 43 peratus daripada sasaran.

"Penyerahan di FELDA Sungai Sibol hari ini (semalam) menjadikan keseluruhan sebanyak 1,381 unit rumah PGBF sudah diserahkan kepada generasi baharu

FELDA yang layak.

"FELDA komited menyiapkan dan menyerahkan baki 2,736 unit rumah secara berperingkat sebelum penghujung tahun ini," katanya ketika merasmikan majlis penyerahan kunci PGBF Sungai Sibol, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Md Jidin; Pengurusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Johor, Tosrin Jarvanthi dan Pengurusi FELDA Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Mohamed Azmin berkata, projek PGBF di FELDA Sungai Sibol adalah antara 20 tapak projek PGBF yang diberi nafas baharu dan dihidup-



Mohamed Azmin menyampaikan replika kunci rumah kepada Nor Hafiah Mohd Rasib sambil diperhatikan Dr Sahruddin (dua dari kanan) pada majlis penyerahan kunci PGBF di Sungai Sibol, Kota Tinggi, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kan semula dengan dana kerajaan RM250 juta bagi menyiapkan 4,794 unit perumahan berkenaan yang mencapai tahap kemajuan kerja melebihi 70 peratus.

"Sebanyak 360 unit rumah PGBF di FELDA Sungai Sibol sudah siap dan diserahkan dalam pusingan pertama ini dengan sebanyak 311 unit kepada 163 generasi baharu di sini, manakala

148 lagi kepada generasi baharu FELDA Penggeli Timur, Kluang," katanya.

Sementara itu, generasi baharu FELDA Sungai Sibol, Hasliana Warthy, 34, yang menerima kunci unit PGBF berkata, beliau sekeluarga amat bersyukur akhirnya dapat menduduki rumah itu selepas enam tahun menanti berikutan pembinaannya tergendala.